

# Pakej pelancongan, termasuk makan durian mampu tarik pengunjung

**Raub:** Pakej pelancongan lengkap dengan pengisian menarik termasuk makan durian, berpotensi dijadikan sebagai produk inovatif sebagai tarikan pengunjung ke negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata projek dijadual bermula tahun depan akan diperkenalkan secara menyeluruh sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM 2020) dan ketika itu adalah musim raja buah berkenaan.

Beliau berkata, pelancong yang berhasrat menikmati durian boleh berkunjung ke Raub dan Bentong di Pahang; Kluang dan Segamat di Johor; Balik Pulau di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan serta Perak.

"Ini berikutan durian tempatan terutama spesies terbaik dan berkualiti banyak ditanam di lokasi berkenaan."

"Tempatnya strategik sekitar dua jam perjalanan dari lapangan

terbang. Selepas makan durian, pengunjung boleh pergi bersiar dan membeli-belah di sekitar kawasan berkenaan," katanya selepas mengadakan lawatan ke dusun durian Tanah Aina di sini, semalam.

## Info

**240**

Varieti durian didaftar dengan Jabatan Pertanian

**73,740**

hektar tanah ditanam pelbagai durian

**341,332**

metrik pengeluaran durian

Grafik BH



Tze Tzin (tengah) menunjukkan durian Musang King ketika lawatan ke ladang durian di Raub, Pahang.

[Foto Saifullizan Tamadi/BH]

*BERTA HARIAN  
20/8/2020*

*MS 18*

Turut serta dalam lawatan itu, beberapa agensi berkaitan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Tourism Malaysia dan Jabatan Pertanian.

Ketika ini terdapat 204 spesies durian ditanam dan mendapat sambutan penggemarnya seperti Durian Raja Kunyit (D197) atau Musang King, D24, Hajah Hasmah atau IOI (D168), Udang Merah (D175) dan Duri Hitam (D200).

Beliau berkata, sektor agro-pelancongan menjajikan pulangan lumayan, menjadi tanggungjawab kementerian melonjakkan potensi industri ini.

"Kita memohon pemain industri antaranya peladang, petani dan pengilang, melakukan perancangan termasuk menyediakan promosi pakej menikmati durian sempena TMM 2020.

"Ini termasuk memastikan hanya kualiti durian ditawarkan tanpa mengelirukan pelancong.

"Pada masa sama, mempelawa pelancong domestik ke ladang menikmati durian dengan harga pakej lebih berdaya saing.

"Kita sudah menjadikan durian ikon buah tempatan, namun buah-buahan tropika lain seperti langsat, duku, dokong, nangka, cempedak, manggis dan rambu-

tan turut dijual pada pakej durian ini," katanya.

Beliau berkata, sehingga Mei lalu, sejumlah 565 tan durian sejuk beku bernilai RM24.3 juta dikim eksport ke China," katanya.

Mengulas kemungkinan terputus bekalan kerana durian bermusim, Tze Tzin berkata, kementerian sedang mencari jalan unruk memanjangkan musimnya.

"Kita akan melaksanakan teknik tanaman terbaik, jika selama ini, musim durian dua kali setahun, menerusi teknik penanaman dan perlادangan inovatif, kita cuba menjadikannya tiga musim setahun," katanya.